

Sektor swasta bantu ukur tanah—Musa

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Urusan mengukur tanah di seluruh negara akan diserahkan sebahagiannya kepada sektor swasta bagi mengatasi masalah kelewatan, kata Datuk Musa Hitam, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pegawai-pegawai pengukur tanah kerajaan tidak mampu mengendalikan semua kerja kerana hanya terdapat 92 orang sahaja yang mampu mengendalikan pengukuran 63,000 lot tanah setahun.

Pihak swasta, katanya, perlu membantu mengendalikan sekurang-kurangnya 13,000 lot setahun di samping mengukur tunggakan 60,833 lot tanah yang tergendala sejak beberapa tahun lalu.

"Ini adalah sejajar dengan perakuan Majlis Tanah Negara (MTN) berhubung aspek pengukuran dan penyukatan tanah dalam mesyuaratnya, baru-baru ini", tambah beliau lagi.

MTN juga, katanya, sedang berusaha meningkatkan mutu pentadbiran Jabatan Ukur dengan menyediakan kemudahan komputer bagi mengukur dan menyukat tanah. "Usaha ini dijalankan beberapa bulan lalu dan menda-

ngkan faedah besar," tambahnya lagi.

Datuk Musa menjelaskan demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-23 Kesatuan Pegawai-Pegawai Petempatan Semenanjung Malaysia di sini.

Belliau memberitahu, sejumlah 275,378 lot tanah belum disukat sepenuhnya tahun lalu, termasuk 95,590 lot tanah tunggakan tahun sebelumnya. "Ini membuktikan urusan mengukur dan menyukat tanah belum memuaskan," jelasnya.

Penglibatan swasta, kata beliau, adalah sebagai satu strategi kerajaan menggalakkan sektor itu turut aktif membangunkan ekonomi negara.

Datuk Musa menambah, kerajaan tidak akan mengeneapkan usaha membangunkan tanah-tanah luar bandar, khususnya tanah pertanian bagi meninggikan taraf hidup golongan miskin untuk mengelakkan tanah dari terbiar atau tidak diusahakan.

Pegawai-pegawai Petempatan, jelasnya, harus berusaha memastikan tanah-tanah di luar bandar tidak jatuh ke tangan orang tengah yang cuba mengeksplot tanah pertanian.

"Penerangan-penerangan mengenai kepentingan tanah dan memodenkan sektor pertanian harus dijelaskan dari masa ke semasa kepada penduduk-penduduk luar bandar," ujarnya lagi.



DATUK MUSA HITAM